

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 AUGUST 2016

Yayasan Peneraju bangunkan 10,000 bakat Bumiputera

BH - 20/8/2016

➔ Pencapaian hasil pengenalan 117 inisiatif di bawah tiga program teras

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

► Putrajaya

Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) berjaya membangunkan 10,000 bakat Bumiputera sehingga bulan ini, sekali gus mencapai 25 peratus sasaran 40,000 bakat menjelang 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata jumlah itu dicapai menerusi pengenalan 117 program di bawah tiga program teras iaitu Peneraju Tunas, Peneraju Skil dan Peneraju Profesional, dengan perbelanjaan kira-kira RM206 juta.

Katanya, menjelang 2020, Yayasan Peneraju akan melatih 30,000 penerima faedah Program Peneraju Skil dan setakat Jun 2016, 63 program sudah dilaksanakan membabitkan 5,019 penerima faedah dengan pelaburan RM51.6 juta.

Latihan kemahiran diperluas

“Menerusi Rancangan Malaysia Ke-11, Yayasan Peneraju akan memperluaskan lagi latihan kemahiran dan program profesional bertauliah bagi membangunkan tenaga kerja mahir Bumiputera.

“Bagi tujuan ini, Yayasan mem-

punyai dua segmen sasaran iaitu Program Peneraju Skil Iltizam yang menasaskan belia berumur di antara 17 dan 23 tahun yang kurang cenderung akademik, malah tidak tamat persekolahan juga diserap.

“Kedua, Program Peneraju Skil yang menyasarkan pelatih berumur sehingga 40 tahun yang ingin meningkatkan kemahiran mereka ke peringkat lebih tinggi,” katanya pada Majlis Bersama Perdana Menteri - Perjalanan Merealisasi 40,000 Aspirasi di Perdana Putra di sini, semalam.

Beliau sebelum itu mencekuri Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Peneraju yang turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani.

Najib turut berkongsi kisah Mohd Zulfadly Abdul Razzaq dari Perak, jurukimpal dengan gaji RM3,000 sebulan yang menyertai program Peneraju Skil pada 2014 dan ditawarkan kerja sebagai jurutera bidang paip di sebuah syarikat minyak dan gas antarabangsa dengan gaji purata RM17,000 sebulan selepas tamat latihan dua minggu.

Beliau juga menggesa lebih banyak pihak tampil menyumbang dana bagi yayasan berkenaan serta mahu syarikat korporat dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), perusahaan kecil dan sederhana (PKS), selain institusi pengajian tinggi serta institusi latihan menjadi rakan kongsi.

Pertumbuhan masih sihat

Sementara itu, Perdana Menteri ketika berucap pada Majlis Ulung

Tahun ke-10 Yayasan Khazanah malam tadi, berkata walaupun ekonomi dunia mencabar, pertumbuhan Malaysia masih sihat dan jauh melebihi purata global.

Sejak Program Transformasi Negara (NTP) dilancarkan pada 2010, katanya, pertumbuhan pendapatan negara meningkat hampir 50 peratus dan 1.8 juta pekerjaan baharu diwujudkan, manakala kadar pertumbuhan produktiviti tahunan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dari 2011 hingga 2015 pula 2.3 peratus.

“Kita mahu melakukan yang lebih baik dan sasaran di bawah Rancangan Malaysia ke-11 dari 2016 ke 2020 adalah 3.7 peratus. Masih banyak yang perlu dilakukan untuk mencapai sasaran itu,” katanya yang juga Menteri Kewangan.